

26 AUG 1998

ntv7 SIAR SECARA LANGSUNG LAWATAN PM KE SARAWAK

KUALA LUMPUR, Aug 26 (Bernama) -- Stesen televisyen swasta terbaru, ntv7, akan membuat siaran langsung khas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Sarawak esok untuk negeri itu dan Sabah.

Pemilik stesen itu, Natseven TV Sdn Bhd, berkata dalam satu kenyataan hari ini siaran langsung khas itu termasuk ketibaan Dr Mahathir di Kuching pada pukul 9.45 pagi esok dan kemudiannya pada perasmian pintu lorong kapal dan pembentungan baru di Demak Laut.

Stesen itu juga akan menyiarkan secara langsung ucapan Perdana Menteri pada Majlis Bersama Rakyat di Stadium Perpaduan Petra Jaya pada lewat tengahari.

Perasmian perhimpunan agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) oleh Perdana Menteri pada pukul 3 petang juga akan disiarkan secara langsung.

Natseven TV Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Encorp Group Sdn Bhd yang berpangkalan di Sarawak, berkata dengan siaran khas itu stesen itu mencatat sejarah sebagai stesen tv nasional yang pertama menyiarkan program tertentu untuk kawasan tertentu.

Program berasingan kawasan itu boleh dilakukan disebabkan sistem penyiaran digital dan rangkaian terkini ntv7.

"ntv7 akan dapat mensasarkan khalayak tertentu dengan program yang dibuat khas untuk mereka, sementara pengiklan boleh mengiklankan produk mereka kepada khalayak sasaran dan dengan itu meningkatkan keberkesanan belanja promosi mereka," katanya.

--BERNAMA

NHD WAT